

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan rasional tidak mengambil tindakan di bawah Seksyen 114 Akta Perkhidmatan Industri Air 2006 terhadap Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH), satu-satunya syarikat industri air Selangor yang masih enggan memuktamadkan segera penyusunan semula industri air Selangor malah tempoh rundingannya dilanjutkan setahun.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Dalam memudah cara penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kerajaan Persekutuan akur dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk meneruskan rundingan dengan Syarikat Pengeluar Air Selangor (SPLASH) bagi membolehkan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) mengambil alih syarikat tersebut secara *willing buyer-willing seller*.
2. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa tiada keperluan untuk mengambil tindakan di bawah Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 terhadap SPLASH bagi memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

\*\*\*\*\*